

Batalkan keputusan roboh BB Plaza

KUALA LUMPUR – Kementerian Pengangkutan digesa campur tangan untuk membatalkan keputusan merobohkan pusat beli-belah Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) yang dilihat sebagai pusat perniagaan strategik orang Melayu di Kuala Lumpur.

Pada sesi perbahasan di Dewan Rakyat semalam, Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas) berkata, selain menjadi kerisauan peniaga, isu itu turut mengundang persepsi negatif orang Melayu yang mula merasakan kepentingan mereka semakin mudah terhakis.

“Kementerian ada kaitan dengan perancangan untuk membina Transit Pantas Massa (MRT).”

“Jadi, setuju atau tidak kita minta kementerian campur tangan dan pastikan kalau betul serius dalam setiap agenda mempertahankan kepentingan Melayu dalam bandar, hentikan cadangan merobohkan BB Plaza,” katanya.

Ibrahim berkata demikian ketika mencelah semasa perbahasan Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012.

Kelmarin, Timbalan Presiden Kanan UDA Holdings Berhad, Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman dilaporkan berkata, kompleks BB Plaza dijangka dirobohkan bagi memberi laluan kepada projek MRT.

Menurut Ibrahim, kementerian dan pihak berwajib harus bertolak ansur demi kepentingan 167 penyewa Bumiputera di situ.



Sidang Dewan Rakyat



KERATAN Kosmo!
27 Jun 2012.

“Sekarang ini peniaga bersedih, berdukacita dan macam-macam, malah saya terima SMS rungutan dan rasa tidak senang hati mereka.”

“Carilah pilihan lain supaya ia tidak sentuh bangunan untuk orang Melayu berniaga,” kata Ibrahim.

Bagi Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan), walaupun jelas dengan kehendak kementerian iaitu untuk memudahkan perjalanan warga kota, beliau sependapat dengan Ibrahim supaya tindakan merobohkan BB Plaza dibatalkan demi kebaikan peniaga Melayu.

Beliau kesal bagaimana pihak berkenaan boleh mengeluarkan notis berpindah sedangkan pusat itu menjadi lokasi peniaga mencari rezeki, lebih-lebih lagi ketika Ramadan yang membolehkan peniaga meningkatkan jumlah pendapatan semakin hampir.

– Bernama

Carilah pilihan lain supaya ia tidak sentuh bangunan untuk orang Melayu berniaga

IBRAHIM ALI



PUSAT beli-belah BB Plaza di Kuala Lumpur akan diroboh bagi memberi laluan kepada projek MRT.